

# RM100 juta bangunkan Kampung Baru

UM-16/7/2007

**Kita ingin orang Melayu di tengah kota raya seperti Kuala Lumpur menjadi bangsa yang boleh kita banggakan kerana kuat dan gagah perkasa dari segi ekonomi dan sosial**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan Perdana Menteri

Oleh NIZAM YATIM

**KUALA LUMPUR** 15 Julai - Kerajaan meluluskan peruntukan RM100 juta untuk membangunkan Kampung Baru di sini agar ia tidak terus terpinggir daripada arus pembangunan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia bagi membiayai pembangunan semula tapak pasar minggu serta menaik taraf jalan raya di sekitar kampung tersebut.

Beliau berkata, ia hanya peruntukan permulaan kerana banyak lagi yang akan disalurkan oleh kerajaan.

Peruntukan ini membuktikan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) sentiasa prihatin terhadap kepentingan Melayu di bandar.

"Kita ingin orang Melayu di tengah kota raya seperti Kuala Lumpur menjadi bangsa yang boleh kita banggakan kerana kuat dan gagah perkasa dari segi ekonomi dan sosial," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Titiwangsa di sebuah hotel di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua UMNO bahagian, Datuk Seri Dr. Suleiman Mohamed.

Menurut Najib, kerajaan akan turut memastikan pembangunan di bandar-bandar seluruh negara dibuat bukan semata-mata untuk membangunkan bandar sehingga menjejaskan kepentingan orang Melayu.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya mempertahankan parti itu dengan mengutamakan perjuangan terlebih dahulu tanpa terlalu mengharap habuan wang ringgit dan harta benda.

Katanya, beliau lebih suka merujuk UMNO sebagai institusi dan bukannya parti, kerana peranan yang dimainkannya adalah luas melibatkan semua bidang termasuk membantu meningkatkan ekonomi dan sosial orang Melayu dan bukan semata-mata politik.

"Jagalah UMNO, jangan merosakkannya, kerana ini pusaka kita yang paling besar nilainya, jangan kita sebagai pewaris mempersia-siakan apa yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu," tegasnya.

Sementara itu, mesyuarat hari ini telah meluluskan usul supaya calon bagi Parlimen Titiwangsa pada pilihan raya umum akan datang mesti di kalangan ahli bahagian berkenaan.

Ahli Parlimen Titiwangsa sekarang ialah Datuk Astamam Abdul Aziz dari bahagian Wangsa Maju.